

Headline	UMP meriahkan sambutan Tahun Baru Cina	Language	Malay
Date	06 Feb 2010	Page No	20
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)	Article Size	226 cm²
Section	NEWS	Color	One Spot Color
Journalist	N/A	ADValue	1,045
Frequency	Daily	PRValue	3,136
Circ / Read	60,000 /		



UMP meriahkan sambutan Tahun Baru Cina

KUANTAN – Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menganjurkan Minggu Kebudayaan Tahun Baru Cina untuk memeriahkan sambutan itu tidak lama lagi.

Program yang bertemakan Satu Malaysia Satu Keluarga Satu Perayaan, Sama-Sama Kita Raihan itu adalah anjuran Sekretariat Tahun Baru Cina, Unit Kesenian dan Kebudayaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHE-PA), UMP.

Pengerusi Program, Wong Kok Keen berkata, program yang dilaksanakan menerusi konsep 1Malaysia bertujuan memperkenalkan kebudayaan masyarakat

Cina kepada semua warga UMP.

“Selain itu, pada masa yang sama pelajar UMP berpeluang menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan bersama-sama meraikan Tahun Baru Cina ini dengan rakan-rakan tanpa mengira bangsa dan agama.

“Turut sama, lebih kurang 60 pelajar antarabangsa UMP dari China dengan budaya dan sambutan perayaan yang agak berbeza dengan masyarakat Cina di Malaysia.

“Sepanjang sambutan program itu, pelbagai aktiviti kebajikan akan diadakan sebelum dan sele-

pas perayaan Tahun Baru Cina,” katanya.

Menurutnya, program tiga hari itu bermula 26 hingga 28 Februari terbuka kepada semua masyarakat setempat akan diadakan di Blok W dan hadapan Kafe UMP serta di Restoran Mexica Garden Seafood Kuantan.

Kok Keen berkata, pada 26 hingga 27 Februari akan diadakan Karnival Kebudayaan mulai jam 5 petang hingga 11 malam di hadapan Kafe Kolej Kediaman 1 dan 3 UMP.

“Seterusnya, pada 28 Februari pula akan diadakan Karnival Kebudayaan dan Pertandingan di

Blok W, UMP manakala Malam Kebudayaan dan makan malam Chap Go Mei pula di Restoran Mexica Garden Seafood, Kuantan.

“Kami akan menganjurkan pertandingan kaligrafi, melukis, mewarna, membuat kraf tangan dengan menggunakan ang pau dan membuat kad Tahun Baru Cina.

“Sementara itu, pada 13 Mac pula akan diadakan Lawatan Motivasi dan Kasih Sayang di Pusat Kebajikan HIV,” katanya.

Beliau berkata, program lawatan ke pusat kebajikan itu bertujuan menghulurkan bantuan

kepada pesakit HIV selain meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada pelajar UMP mengenai HIV.

Katanya, program itu terbuka kepada pelajar dan staf UMP, institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh Malaysia, penduduk sekitar Kuantan dan pelajar sekolah.

Kok Keen berharap program berkenaan mampu meningkatkan kesedaran dan kefahaman tersirat dalam perayaan Tahun Baru Cina melalui aktiviti diadakan sepanjang karnival itu untuk dikongsi bersama masyarakat berbilang kaum.